

# Tun Zaki kunjungi warga UMSKAL

NST 14-3-2014 2

LABUAN: Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Tun Dato' Seri Zaki Tun Azmi mengadakan lawatan kerja sehari ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Selasa lalu.

Sepanjang berada di sini, beliau diiringi Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Sharif Abdul Kadir Omang Al-Haj dan Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali yang turut menyampaikan taklimat pentadbiran dan pembangunan terkini universiti itu di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 13.

Turut hadir Timbalan Pengarah, Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Prof. Madya Dr. Ag Asri Ag Ibrahim dan Penolong Pendaftar Pentadbiran, Sharon Tan.

Hadir sama pegawai-pegawai kanan UMS Labuan.

Tun Zaki turut mengadakan perjumpaan dengan pemimpin pelajar yang diketuai Naib Presiden Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Mohd Najib Rubin pada majlis makan tengah hari di Bilik Seri Menanti, dialog dengan ahli akademik dan kakitangan sokongan di Podium, Bangunan Menara UMSKAL.

Beliau yang kali pertama mengunjungi UMS Kampus Labuan turut menyerahkan basikal kepada pelajar, menanam pokok bunga, melawat klinik kesihatan, Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) dan kolej kediaman pelajar.

Klinik kesihatan adalah untuk merawat penyakit ringan terutama kepada



**SIMBOLIK...** Tun Zaki menanam pokok bunga sebagai tanda simbolik lawatan kerja ke Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan diperhatikan Dr Sharif (dua kiri) dan Dr Ismail (tiga kanan)

pelajar sebelum mendapat rawatan selanjutnya di hospital manakala Taska disediakan untuk kakitangan dan orang luar menghantar anak-anak.

Pada sesi dialog dengan pensyarah dan kakitangan, Tun Zaki meminta semua staf supaya sentiasa komited dengan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada mereka.

Tun Zaki berharap ahli akademik, pegawai dan kakitangan sokongan akan memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelajar.

Semasa melawat kolej kediaman pelajar, beliau memuji pengurusan UMSKAL khasnya Bahagian Pembangunan

dan Penyelenggaraan (BPP) yang berusaha sedaya upaya untuk memastikan bangunan tersebut berada dalam keadaan baik walaupun telah berusia 13 tahun iaitu sejak UMSKAL dibuka pada 1999.

Ketika ini terdapat 104 ahli akademik termasuk dari Jepun dan Bangladesh, 182 kakitangan bukan akademik dan 2,262 pelajar tempatan dan antarabangsa dari China, Turki dan Tanzania.

Pelajar tersebut mengikuti pengajian di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) dan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) bagi tempoh tiga tahun. **-OLEH JAIN-UDIN DJIMIN**